

Dr. M harap Israel tidak berdolak-dalih

JM 10 FEB 2005

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap persetujuan bersejarah di antara Palestin dan Israel untuk menghentikan tindakan keganasan dan menyambung rundingan damai akan membolehkan sebuah negara Palestin yang bebas diwujudkan.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau berdoa perjanjian bersejarah itu merupakan satu kejayaan tulen di antara kedua-dua pihak.

“Saya berharap Israel tidak akan berdolak-dalih dalam perjanjian ini dan membenarkan Palestin untuk menjadi sebuah negara yang bebas,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui semasa menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baru Cina MCA di Wisma MCA, di sini hari ini.

Dr. Mahathir hadir bersama isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, disambut oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Menteri Pengangkutan yang juga Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Chan Kong Choy serta bekas Presiden MCA, Tun Dr. Ling Liong Sik.

Beliau diminta mengulas pertemuan bersejarah Presiden Palestin, Mahmoud Abbas dan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon di Sharm El-Sheik, Mesir semalam yang mengisytiharkan untuk saling menghentikan kesemua kegiatan ketenteraan dan keganasan di kedua-dua negara.

Ikrar

Perisytiharan itu dilihat sebagai ikrar penting oleh kedua-dua pihak untuk menyambungkan semula rundingan damai Asia Barat yang terhenti sejak empat tahun lalu.

Pada waktu yang sama, Sharon juga mengumumkan untuk membebaskan beratus-ratus banduan Palestin yang ditahan di penjara-penjara Israel.

Sharon dan Mahmoud bertemu buat pertama kali dalam sidang kemuncak Asia Barat di sini untuk menghentikan keganasan yang telah berlarutan selama empat tahun di samping memulakan era rundingan damai yang baru.

Sementara itu mengenai Sambutan Tahun Baru Cina dan Awal Muharam yang di sambut selang sehari, Dr. Mahathir berkata, ramai yang tidak tahu bahawa Awal Muharam merupakan tahun baru bagi umat Islam.

Beliau berkata, ramai penduduk bukan Islam menyangkakan Hari Raya Aidilfitri merupakan tahun baru bagi umat Islam.

Ujar beliau, secara perlahan-lahan perkara ini akan difahami.

“Sambutan Tahun Baru Cina dan Awal Muharam ini kita boleh sambut bersama,” katanya.

Tahun Baru Cina disambut hari ini manakala Awal Muharam pula akan disambut esok.